

SIARAN MEDIA

GALERI TUNA #myDOF KINI DIBUKA DI AKUARIUM TUNKU ABDUL RAHMAN, BATU MAUNG

GEORGETOWN, 21 April : Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) kini membuka satu galeri tuna sebagai daya tarikan baharu di Akuarium Tunku Abdul Rahman, Batu Maung.

Ketua Pengarah Perikanan, Datuk Munir Mohd Nawi berkata, Galeri Tuna #myDoF di FRI Batu Maung ini mempamerkan model kapal penangkapan ikan tuna, jenis ikan tuna serta industri hiliran tuna yang boleh dijadikan tempat rujukan kepada para penyelidik tempatan, pihak universiti dan juga agensi-agensi luar yang menceburi industri tuna di Malaysia, jelas Munir.

Selain itu, Munir berkata jumlah pengunjung yang direkodkan melawat Akuarium Tunku Abdul Rahman melebihi 100 ribu orang setahun disifatkan beliau sebagai positif kerana pameran yang disajikan DOF amat menarik meliputi pameran pendidikan flora dan fauna marin dan juga ekosistem tempatan seperti kuda laut yang sesuai untuk semua lapisan umur masyarakat. DOF menjangkakan kunjungan akan semakin meningkat tahun ini dengan adanya daya tarikan baharu Galeri Tuna #myDoF yang memberi peluang pengunjung mengenali spesis tuna dengan lebih mendalam serta mendapatkan informasi mengenai penyelidikan tuna yang telah dijalankan oleh DOF, jelasnya.

Tambah Munir lagi, pembinaan galeri tuna di perkarangan Akuarium Tunku Abdul Rahman adalah kerana Pulau Pinang amat sinonim dengan industri perikanan tuna sejak tahun 1960an lagi dan kini pihak DOF komited bagi merencanakan pembangunan industri perikanan dengan meningkatkan pendaratan ikan tuna di Pelabuhan Pulau Pinang, ujar beliau.

Statistik DOF menunjukkan bahawa Pulau Pinang mencatatkan rekod pendaratan tuna sebanyak 2,500 tan metrik tuna daripada nilai keseluruhan sebanyak 99,200 tan metrik iaitu 2,143 tan metrik tuna oseanik dan 213 tan metrik tuna neritik dan 144 tan metrik tuna pelbagai spesis dengan nilai anggaran RM 45 juta daripada jumlah keseluruhan kira-kira RM 700 juta.

Beliau berkata kepada media selepas majlis perasmian Galeri Tuna sempena Fiesta Tuna #myDOF di sini hari ini. Majlis tersebut disempurnakan Yang Di Pertua Negeri

Pulau Pinang, Tun Datuk Seri Utama Abdul Rahman Abbas,. Turut hadir Dr. Zainoddin Jamari, Pengarah Kanan Bahagian Penyelidikan DOF.

Mengulas mengenai Pembangunan Industri Tuna Negara, Munir berkata, pada masa ini pihak Kerajaan telah meletakkan sasaran untuk mendaratkan 30,000 tan metrik ikan tuna dari Lautan Hindi yang bernilai RM300 juta menerusi pemberian lesen operasi kepada 135 unit vesel tuna menjelang 2020. Buat masa ini pihak Kementerian melalui Jabatan Perikanan telah melesenkan 19 buah vesel untuk beroperasi di Lautan Hindi. Ini bagi menyokong untuk mencapai sasaran pendaratan tuna Malaysia sebanyak 130,000 tan metrik dengan nilai RM 1 Billion menjelang 2020, jelas Munir lagi.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi;

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Ibu Pejabat,

Jabatan Perikanan Malaysia.

Telefon: 03-8870 4313

Emel: pro@dof.gov.my / ukk@dof.gov.my